



MUHAMAD Hazman dan kakaknya Nor Fatini menyiram air di pusara anggota keluarga mereka di Tanah Perkuburan Islam Masjid Jamek Tuan Haji Abdul Latiff, Permatang Pasir.

EMPAT SEKELUARGA MAUT DALAM NAHAS

Pilu 4 'pi' serentak

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Bukit Mertajam

“Sedih, sebab sekali pi (pergi) bukan satu, bukan dua, bukan tiga tetapi empat terus hingga saya hilang kata-kata,” kata Muhamad Hazman Rahim, 20.

Dia adalah anak bongsu kepada pasangan Rahim Ramli, 60, dan Siti Petimah Omar, 59 yang terkorban dalam nahas membabitkan tujuh kenderaan di Kilometer (KM) 277.1 Lebuhraya Utara-Selatan, dekat Ipoh, Perak, kelmarin.

Turut menemui maut, dua kakaknya, Nor Hadirah

Rahim, 28, dan Nor Hamidah Rahim, 27 selepas semua mereka yang menaiki kereta jenis Proton Persona cedera parah dalam nahas berkenaan.

Muhamad Hazman berkata, dia yang menjalani latihan industri di sebuah syarikat di Perlis dihubungi seorang lagi kakaknya, Nor Fatini, 22, yang memaklumkan kejadian yang menimpa ahli keluarga mereka.

“Pada ketika itu, saya sedang buat kerja sebelum kakak (Nor Fatini) sambil menangis memberitahu bahawa mak dan ayah serta dua lagi kakak kami sudah tidak ada (meninggal dunia).

“Baru semalam (kelmarin) sahaja saya salam, cium

tangan mak, ayah sebelum balik ke Perlis dan maklumkan saya akan balik berjumpa mereka lagi yang kedua-duanya dilihat senyum sahaja, tetapi hari ini mereka dah tiada sampai saya tak tahu nak cakap macam mana. Mak ayah serta dua kakak saya tidak menunjukkan sebarang perubahan kerana semua rutin yang kami jalani seperti biasa sahaja hingga saya tidak jangka mereka pergi dalam keadaan amat mengejut,” katanya selepas pengebumian ibu bapa serta dua kakaknya di sini, semalam.

Terdahulu, semua jenazah yang dibawa menaiki van berlepas dari Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB)

Ipoh kira-kira jam 11.30 malam dan tiba di masjid berkenaan dua jam selepas itu.

Suasana pilu menyelubungi lokasi pengebumian empat beranak berkenaan sebaik jenazah tiba untuk dikebumikan.

Keempat-keempat jenazah selamat dikebumikan kira-kira jam 3 pagi dalam keadaan hujan renyai seolah-olah menangiis pemerhatian mereka menghadap Pencipta.

Dalam pada itu, Muhamad Hazman berkata, ibu bapanya dalam perjalanan menghantar kakak sulungnya, Nor Hadirah ke Kuala Lumpur untuk melapor diri di tempat kerja selepas sekian lama bercuti.